

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : RENCANA

Perketat undang-undang sekat pembedahan kosmetik haram

● Orang awam terdedah kepada risiko berbahaya seperti mendapat komplikasi serius dan juga kematian jika prosedur estetik perubatan dilakukan mereka tidak bertauliah dan tidak berdaftar

● Amat diharapkan langkah lebih tegas dan segera diambil pihak berwajib seperti mengawal promosi rawatan kosmetik dan mengenakan hukuman lebih berat kepada pelaku



Oleh Dr Nadiawati Abdul Razak dan Dr Ahmad Hafizam Hasmi
bhrencana@bh.com.my

Setiap manusia mempunyai kecantikan tersendiri dan cukup sempurna secara fitrahnya, akan tetapi tidak semua manusia mensyukuri kurniaan ini dengan hati reda dan ikhlas. Kecantikan itu sinonim dengan kewanitaan. Kewanitaan seseorang wanita bukan sahaja terletak pada raut wajahnya, malah meliputi kecantikan luaran dan dalaman.

Oleh demikian, rasa obsesi terhadap kecantikan lahir daripada perasaan tidak berpuas hati dan tidak menerima keadaan sebagai fitrah seperti diciptakan Allah SWT berfirman bermaksud: *"Sesungguhnya kami menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya"*. (Surah al-Tin, ayat 4)

Obsesi kepada kecantikan pula merujuk kepada seseorang individu itu terlalu memikirkan kesempurnaan dari aspek kecantikan diri sahaja. Peranan kecantikan menjadi daya tarikan fizikal dan satu bonus kepada diri wanita.

Kepesatan teknologi moden hari ini mendorong peningkatan industri kecantikan menerusi pelbagai kaedah termasuk pembedahan plastik dan laser.

Prosedur kecantikan atau dikenali sebagai pembedahan kosmetik kini dilihat menjadi satu obsesi dan jalan pintas untuk kelihatan cantik bahkan tidak diragui banyak manusia sanggup bergolak-bergadai untuk kelihatan cantik.

Pembedahan kosmetik bukan prosedur untuk rawatan kesihatan umum, sebaliknya ia adalah domain ideologi sosial dan keseronokan peribadi obsesi wanita terhadap penampilan.

Pengaruh media juga turut memainkan peranan dalam mendesak kehendak wanita bahkan lelaki juga terkesan dengan obsesi kepada kecantikan. Permintaan tinggi ini menyebabkan industri pembedahan kosmetik di Malaysia berkembang pesat ibarat 'cendawan tumbuh selepas hujan'.

Secara undang-undangnya, prosedur per-

obatan estetik hanya boleh dilakukan pengamal perubatan berdaftar dan bertauliah di premis berdaftar atau berlesen mengikut Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Nama pengamal perubatan bertauliah mengemalkan amalan perubatan estetik dipaparkan di Pejabat Pendaftaran Kebangsaan Pengamal Perubatan Berdaftar di laman web rasmi Kementerian Kesihatan (KKM). Ia bagi memastikan perkhidmatan adalah baik dan keselamatan awam dilindungi.

Promosi perangkaan pengguna

Isu utama ketika ini adalah mengenai prosedur perubatan kosmetik diberikan pengamal kosmetik tidak bertauliah dan tidak berdaftar. Iklan menggiatkan dan tawaran harga jauh lebih murah memerangkap pengguna untuk memilih jalan pintas dan murah walaupun kesihatan serta nyawa menjadi taruhan untuk kecantikan sementara.

Perkara ini dikuatkuatkan dengan firman Allah bermaksud: *"Sesungguhnya kami menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya"*. (Surah Al Tin, ayat 4)

Pengamal kecantikan tidak bertauliah ini hanya berbekalkan dengan sedikit latihan, pengalaman atau peralatan bedah murah serta senang didapati di pasaran maya muncul sebagai pakar bedah kosmetik.

Natijahnya, orang awam terdedah kepada risiko berbahaya seperti mendapat komplikasi serius dan juga kematian jika prosedur estetik perubatan dilakukan mereka tidak bertauliah dan tidak berdaftar. Selain itu orang awam yang melanggan perkhidmatan ini juga tiada perlindungan perubatan atau indemnity.

Baru-baru ini, media melaporkan, seorang wanita berusia 29 tahun meninggal dunia selepas menjalani pembedahan membesarkan payudara di Johor Bahru.

Ini bukan kes pertama pernah direkodkan kerana pada 2020, seorang wanita berusia 23 tahun meninggal dunia selepas menjalani prosedur sedutan lemak dipercayai dilakukan secara haram di sebuah salon kecantikan di Cheras, Kuala Lumpur.

Beberapa insiden pembedahan kosmetik ha-

ram dilaporkan berakhir dengan tragedi. Semua laporan ini berkongsi ciri sama iaitu mangsa mengalami kecacatan dan kematian hasil daripada prosedur dilakukan pengamal kecantikan tidak bertauliah.

Syarikat peraturan lebih ketat

Sebenarnya, isu 'kemaruk kosmetik' ini bukan perkara baharu. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menerima aduan ini sejak 1980-an lagi.

Susulan kes kematian akibat komplikasi daripada prosedur pembedahan seperti dilaporkan baru-baru ini, Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa supaya peraturan lebih ketat dan tahap penguatkuasaan terhadap industri kecantikan dan estetik dipertingkatkan. Pihak berkuasa juga digesa mengesahkan kewujudan pusat kecantikan dan estetik bagi menangani kebimbangan berkenaan.

Undang-undang mempunyai peruntukan khas mengikut Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593) mengenai 'Penyasatan Kematian' mempertanggungjawabkan kepada pihak polis untuk menyiasat sebarang kes kematian dilaporkan.

Bagi kes kematian membabitkan prosedur kosmetik, pegawai penyiasat akan memohon supaya bedah siasat dilakukan untuk mengesahkan sebab kematian.

Pengamal perubatan forensik akan menjalankan bedah siasat ke atas mayat mangsa untuk mengesahkan sebab kematian serta cara kematian atau bagaimana prosedur kosmetik boleh secara langsung melalui tindakan bahan kimia bahaya atau anestetik, radiasi, kecederaan dan lain-lain atau menjadi pemangkin kepada sesuatu penyakit sedia ada yang boleh menyebabkan kematian.

Hasil bedah siasat itu dapat membantu dalam penyiasatan kes yang pokok hujahnya berakar berkenaan 'amalan salah' atau *malpractice*. Sekiranya unsur *malpractice* didapati berlaku dan mengakibatkan kematian, tindakan tegas terhadap pelaku harus diambil.

Mengambil kira natijah buruk sehingga kepada kehilangan nyawa akibat daripada prosedur perubatan estetik dilakukan pengamal tiada tauliah ini, amat diharapkan langkah lebih tegas dan segera diambil pihak berwajib seperti mengawal promosi rawatan kosmetik dan mengenakan hukuman lebih berat kepada pelaku.

Hukuman punitif ini perlu dimasukkan dalam rang undang-undang (RUU) supaya dapat mengawal salon kecantikan dan pengusaha haram lain.

Seharusnya tidak berlaku lagi kehilangan nyawa atau tragedi hasil daripada kunjungan ke salon kecantikan. Media sosial kini dikatakan paling berkuasa membentuk persepsi dan pemikiran khalayak termasuk mempengaruhi individu melakukan pembedahan kosmetik untuk menjadi cantik.

Kebergantungan terhadap media sosial jelas memberi kesan kepada kecenderungan seseorang individu itu kepada obsesi kepada kecantikan. Kesedaran orang awam mengenai bahaya prosedur kosmetik haram juga perlu ditingkatkan melalui media massa dan elektronik

